

PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6188/6189 | Faks : +606 331 6115

Emel: pejabatbendahari@utem.edu.my

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/1 Jilid 3 (5)
Ruj. Tuan (Your Ref) :

8 Mei 2013
27 Jamadilakhir 1434 H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 5/2013

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السلام عليكم ورحمة الله

Y.Bhg. Datuk/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN KUMPULANWANG AMANAH (KW08) DALAM SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai pelaksanaan Kumpulanwang Amanah (KW08) dalam Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tertakluk kepada Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), Universiti hendaklah mengadakan Kumpulanwang Disatukan atau kumpulanwang-kumpulanwang yang akan digunakan bagi mengakaunkan semua hasil dan perbelanjaan Universiti.
- 2.2 Di bawah Seksyen 9(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), Universiti boleh menubuhkan Kumpulanwang Amanah untuk memperakaunkan sumbangan dan terimaan yang dibenarkan dari Akaun-akaun Amanah.

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/1 Jilid 3 (5)
Ruj. Tuan (Your Ref) :

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 5/2013

- PELAKSANAAN KUMPULANWANG AMANAH (KW08) DALAM SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)

2.3 Beberapa kumpulanwang telah diwujudkan bagi tujuan yang tertentu iaitu:

- i. Kumpulanwang Mengurus (KW01)
Mengakaunkan penerimaan dan pembayaran operasi.
- ii. Kumpulanwang Pembangunan (KW02)
Mengakaunkan penerimaan dan pembayaran pembangunan.
- iii. Kumpulanwang Penyelidikan (KW03)
Mengakaunkan penerimaan dan pembayaran projek penyelidikan.
- iv. Kumpulanwang Pembiayaan Swasta (KW04)
Mengakaunkan penerimaan dan pembayaran projek pembiayaan swasta.
- v. Kumpulanwang Pinjaman (KW05 dan KW06)
Mengakaunkan penerimaan dan bayaran pinjaman kenderaan dan komputer.
- vi. Kumpulanwang Pendapatan (KW07)
Mengakaunkan penerimaan hasil dalaman Universiti.
- vii. Kumpulanwang Amanah (KW08)
Mengakaunkan penerimaan dan pembayaran dari Akaun Amanah.
- viii. Kumpulanwang Peruntukan Khas (KW09)
Mengakaunkan penerimaan dan pembayaran bagi peruntukan khas.

2.4 Ketika ini, kumpulanwang tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya dalam SMKB kecuali Kumpulanwang Amanah (KW08).

3.0 PELAKSANAAN KUMPULANWANG AMANAH (KW08)

3.1 Universiti telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bil. 10/2012 berkenaan 'Tatacara Pengurusan Akaun Amanah UTeM' yang menerangkan berkenaan tatacara pengurusan dan pengendalian Akaun Amanah.

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/1 Jilid 3 (5)
Ruj. Tuan (Your Ref) :

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 5/2013

- PELAKSANAAN KUMPULANWANG AMANAH (KW08) DALAM SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)

3.2 Merujuk kepada Para 4.1 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah UTeM telah dinyatakan bahawa Pejabat Bendahari menyediakan Akaun Amanah yang terdiri dari dua (2) jenis vot (*kod akaun*) iaitu:

- i. Siri 61000 dan 62000 – merupakan Akaun Amanah yang bersifat sementara yang mana penganjurannya tidak melebihi tempoh 1 tahun.
- ii. Siri 85000 – merupakan Akaun Amanah yang bersifat kekal atau penggunaannya berlanjutan setiap tahun.

3.3 Berdasarkan situasi semasa dan penambahbaikan kepada pengurusan Akaun Amanah, **penggunaan 2 jenis vot ini telah dipinda dan strukturnya diselaraskan di bawah kumpulanwang yang berasingan** iaitu Kumpulanwang Amanah (KW08).

3.4 **Setiap Akaun Amanah akan dikenalpasti melalui Kod PTj dan sifat (sementara atau kekal) dan diikuti dengan vot hasil atau belanja yang berkaitan.**

3.5 Contoh struktur kod akaun bagi Akaun Amanah adalah seperti berikut:

08 - S26001 – 29301 (Upahan)

di mana:

08	Kumpulanwang Amanah (KW08)
S	Sementara - bagi Akaun Amanah bersifat sementara, atau
K	Kekal - bagi Akaun Amanah bersifat kekal
26	Kod PTj yang menguruskan Akaun Amanah
001	Nombor siri Akaun Amanah

3.6 Senarai lengkap Kod Akaun Amanah bagi tabung-tabung sedia ada dan masih aktif adalah seperti di **Lampiran 1**.

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/1 Jilid 3 (5)
Ruj. Tuan (Your Ref) :

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 5/2013

- **PELAKSANAAN KUMPULANWANG AMANAH (KW08) DALAM SISTEM MAKLUMAT KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)**

4.0 PENGENDALIAN KUMPULANWANG AMANAH (KW08)

- 4.1 Permohonan untuk menubuhkan sesuatu Akaun Amanah adalah tertakluk kepada peraturan dan prosedur seperti yang telah digariskan pada Tatacara Pengurusan Akaun Amanah di UTeM.
- 4.2 Bagi permohonan yang lengkap, Pejabat Bendahari akan memberikan kod dalam SMKB bagi Akaun Amanah yang ingin ditubuhkan dan pemakluman akan dikeluarkan kepada PTj setelah kod akaun diaktifkan. Carta Alir bagi penubuhan Akaun Amanah ini adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 4.3 Segala urusan kewangan bagi Akaun Amanah seperti pengeluaran Pesanan Tempatan, permohonan pembayaran, baki Akaun Amanah dan sebagainya hendaklah merujuk kepada Kod Akaun Amanah yang telah ditetapkan.
- 4.4 Setiap permohonan pembayaran dari Akaun Amanah hendaklah disertakan bersama **Borang BEN/UKT/004 – Borang Penerimaan dan Pembayaran Akaun Amanah** (seperti di **Lampiran 3**) yang boleh dicetak dari **SMKB yang mana mengandungi maklumat baki terkini Akaun Amanah** dan disahkan benar oleh Ketua PTj sebagai Pemegang Amanah yang bertanggungjawab ke atas Akaun Amanah tersebut.
- 4.5 Bagi pindahan peruntukan dan perbelanjaan antara kumpulanwang (umpamanya pembayaran melalui geran penyelidikan bagi program di bawah Akaun Amanah) hendaklah melalui Pejabat Bendahari seperti amalan semasa.
- 4.6 Tertakluk kepada kebenaran pembelian aset dan inventori daripada penaja atau Pihak Berkuasa Melulus, perolehan aset atau inventori dari Kumpulanwang Amanah ini perlu menggunakan vot sebenar dan didaftarkan dalam Sistem Maklumat Pengurusan Aset.

5.0 TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling ini hendaklah **berkuatkuasa serta-merta** mulai tarikh ia dikeluarkan.

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/1 Jilid 3 (5)
Ruj. Tuan (Your Ref) :

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 5/2013
- PELAKSANAAN KUMPULANWANG AMANAH (KW08) DALAM SISTEM MAKLUMAT
KEWANGAN BERSEPADU (SMKB)

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Bendahari Bil. 10/2012 'Tatacara Pengurusan Akaun Amanah UTeM' bagi memastikan semua tatacara dan peraturan Akaun Amanah ini dipatuhi.
- 6.2 Surat Pekeliling ini juga meminda Para 4.1, Tatacara Pengurusan Akaun Amanah UTeM, Pekeliling Bendahari Bil. 10/2012.

Sekian, terima kasih.

والسلام

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Yang benar,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k. **Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SENARAI KOD PTJ AKAUN AMANAH BAGI AKAUN/TABUNG AMANAH SEDIA ADA/AKTIF

Bil.	Kod Baru (KW08)	Vot Asal (KW01)	Tarikh Tubuh	Nama Akaun/Tabung Amanah	PTJ Pemegang Amanah
1	K01001	85118	19.02.2008	Tabung Graduate Employability Enhancement & Added-Value Training (GREAT)	PJIM, CANSELORI
2	K01002	85121	15.08.2012	Tabung Skim MyBrain UTeM	CRIM, CANSELORI
3	K01003	85211	09.10.2010	Tabung Mobiliti Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka	IO, CANSELORI
4	K01004	85212	22.03.2010	Tabung Program Campus Connect KPT - Western Digital	PJIM, CANSELORI
5	K01005	85213	17.01.2012	Tabung Center Of Excellence For MTUN (COE MTUN)	PJBT TNC (P&I)
6	K01006	85214	15.08.2012	Tabung Insentif Penerbitan Jurnal	CRIM, CANSELORI
7	K01007	85327	01.12.2003	Tabung Kewangan CRIM	CRIM, CANSELORI
8	K01008	61913	18.01.2012	Tabung Program Industry Centre of Excellence - Infineon	PJIM, CANSELORI
9	K01009	62104	13.05.2009	Tabung Program Imagine Cup	CANSELORI
10	K01010	85221	30.11.2012	Tabung insentif Pembangunan Prototaip UTeMEX	CRIM, CANSELORI
11	K01011	85108	23.10.2004	Tabung Latihan Keusahawanan Siswa	PPKPB, CANSELORI
12	K01012	85109	23.10.2004	Tabung Kursus Asas Keusahawanan Siswa	PPKPB, CANSELORI
13	K01013	85115	10.10.2006	Tabung Program Pembangunan Usaha Siswa	PPKPB, CANSELORI
14	K02001	85111	26.05.2005	Tabung Hadiah Industri	BPA, PENDAFTAR
15	K02002	85215	19.11.2012	Tabung Satu Fakulti Satu Industri	PENDAFTAR
16	K02003	85216	19.11.2012	Tabung Personal Learning Environment (PLE)	PENDAFTAR
17	K02004	85217	19.11.2012	Tabung UTeM MyHome	PENDAFTAR
18	K02005	85218	19.11.2012	Tabung Jom Jemaah Di Masjid	PENDAFTAR
19	K02006	85219	19.11.2012	Tabung Green Café	PENDAFTAR
20	K02007	85220	19.11.2012	Tabung UTeM Touch	PENDAFTAR
21	K02008	85302	31.01.2011	Tabung Kewangan Pejabat Pendaftar	PENDAFTAR
22	K04001	85304	02.05.2002	Tabung Kewangan Pejabat Perpustakaan	PERPUSTAKAAN
23	K06001	85102	08.03.2002	Tabung Minggu Haluan Siswa	HEPA
24	K06002	85103	08.03.2002	Tabung Alumni	HEPA
25	K06003	85104	08.03.2002	Tabung Aktiviti Pelajar	HEPA
26	K06004	85105	08.03.2002	Tabung Khairat Pelajar	HEPA
27	K06007	85112	23.06.2005	Tabung Pesta Konvokesyen (Kumulatif)	HEPA
28	K06009	85117	13.12.2007	Tabung KPT-PKS	HEPA
29	K06010	85119	26.02.2008	Tabung Amanah Yayasan Negeri Sembilan	HEPA
30	K06011	85120	09.06.2008	Tabung Sekretariat Pencegah Rasuah	HEPA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SENARAI KOD PTJ AKAUN AMANAH BAGI AKAUN/TABUNG AMANAH SEDIA ADA/AKTIF

Bil.	Kod Baru (KW08)	Vot Asal (KW01)	Tarikh Tubuh	Nama Akaun/Tabung Amanah	PTJ Pemegang Amanah
31	K06012	61904	22.11.2006	Tabung Pembangunan Sukan IPT	HEPA/PUSAT SUKAN
32	K06013	61910	07.10.2010	Tabung Sukan Tumpuan	HEPA/PUSAT SUKAN
33	K07001	85307	31.01.2011	Tabung Kewangan Pusat Komputer	PST KOMPUTER
34	K10001	85310	31.01.2011	Tabung Kewangan Penerbit	PENERBIT
35	K13001	85331	01.06.2011	Tabung Kewangan Pusat Islam	Pusat Islam
36	K20001	85209	02.03.2010	Tabung Business Start-Up Center	FPTT
37	K20002	85320	31.01.2011	Tabung Kewangan FPTT	FPTT
38	K21001	85321	01.12.2003	Tabung Kewangan FKE	FKE
39	K22001	85322	01.12.2003	Tabung Kewangan FKEKK	FKEKK
40	K23001	85323	01.12.2003	Tabung Kewangan FKM	FKM
41	K24001	85324	01.12.2003	Tabung Kewangan FKP	FKP
42	K25001	85325	01.12.2003	Tabung Kewangan FTMK	FTMK
43	K25002	61309	20.11.2007	Tabung Program Infosys Foundation	FTMK
44	K26001	85326	01.12.2003	Tabung Kewangan PBPI	PBPI
45	K29001	85210	07.10.2010	Tabung Skim Zamalah	PPS
46	K29002	85328	01.10.2006	Tabung Kewangan PPS	PPS
47	K29003	85402	08.03.2002	Tabung Minggu Haluan Pasca Siswazah	PPS
48	K29004	85403	08.03.2002	Tabung Alumni Pasca Siswazah	PPS
49	K29005	85404	08.03.2002	Tabung Aktiviti Pasca Siswazah	PPS
50	K29006	85405	08.03.2002	Tabung Khairat Pasca Siswazah	PPS
51	K30001	85330	31.01.2011	Tabung Kewangan PPP	PPP
52	K31001	85329	31.01.2011	Tabung Kewangan PPB	PPB
53	K32001	85332	01.04.2013	Tabung Kewangan FTK	FTK
54	S02001	62118	10.11.2012	Tabung Latihan dan Kursus Pejabat Pendaftar	PENDAFTAR
55	S05001	62117	21.09.2012	Tabung Persidangan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti Kampus Pendidikan	PEMBANGUNAN
56	S07001	62116	02.05.2012	Tabung Latihan Pusat Komputer	PST KOMPUTER
57	S06001	61704	13.10.2008	Tabung Majlis Sukarelawan Universiti Malaysia	HEPA
58	S21001	61202	12.07.2012	Tabung Proton Green Mobility Challenge	FKE
59	S21002	61203	23.10.2012	Tabung Power & Energy Conversion Symposium	FKE
60	S23001	61307	28.06.2011	Tabung Seminar International Conference on Engineering & ICT (ICEI 2012)	FKM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SENARAI KOD PTJ AKAUN AMANAH BAGI AKAUN/TABUNG AMANAH SEDIA ADA/AKTIF

Bil.	Kod Baru (KW08)	Vot Asal (KW01)	Tarikh Tubuh	Nama Akaun/Tabung Amanah	PTJ Pemegang Amanah
61	S24001	61505	01.12.2011	Tabung Seminar International Conference on Design and Concurrent Engineering	FKP
62	S25001	61302	09.11.2004	Tabung Kursus Pensijilan Profesional Pelajar FTMK	FTMK
63	S25002	61312	28.08.2008	Tabung Seminar Kejuruteraan Perisian	FTMK
64	S25003	61313	01.08.2008	Tabung FTMK Programming Contest : The Code	FTMK
65	S25004	61315	09.03.2010	Tabung International Cryptology Conference (CRYPTOLOGY)	FTMK
66	S25005	61317	31.05.2012	Tabung International Conference On Mobile Learning, Application & Service (MOBILECASE)	FTMK
67	S26001	61109	25.03.2010	Tabung Kursus Intensif Bahasa Inggeris (IELP)	PBPI
68	S26002	61110	01.10.2011	Tabung Kursus Intensif Bahasa Inggeris (IELP) Pasca Siswazah	PBPI
69	S30001	62111	17.08.2011	Tabung International Conference On Active Learning	PPP
70	S30002	62108	27.01.2011	Tabung Latihan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran	PPP



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PEJABAT BENDAHARI

BORANG PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN AKAUN AMANAH
DI BAWAH KUMPULANWANG AMANAH (KW08)


Nama Akaun Amanah :
Kod Akaun Amanah : PTj :
Tarikh Kuat kuasa : Tarikh :

i. PENERIMAAN PENDAPATAN TAHUN SEMASA

Bil	Pendapatan (Sumber-sumber kewangan)	Vot	Jumlah Telah Terima (RM)
1.	Peruntukan atau Pemberian Kerajaan	91600	
2.	Pelbagai Hasil	92200	
3.	Sumbangan atau Tajaan (Akaun Amanah)	92300	
JUMLAH BESAR PENDAPATAN			A


ii. PEMBAYARAN PERBELANJAAN TAHUN SEMASA

Bil	Perbelanjaan Dibenarkan	Vot	Jumlah Telah Belanja (RM)	Tanggungan/ Pesanan Tempatan (PT) (RM)
1.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	21000		
2.	Pengangkutan Barang-barang	22000		
3.	Perhubungan dan Utiliti	23000		
4.	Sewaan	24000		
5.	Bekalan dan Bahan-bahan Lain	27000		
6.	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	28000		
7.	Perkhidmatan Ikhtisas, Hospitaliti dan Lain-Lain	29000		
8.	Aset Tetap	35000		
9.	Inventori	36000		
10.	Bayaran-bayaran Lain	52000		
JUMLAH BESAR PERBELANJAAN			B	C



Urusan pengeluaran Pesanan Tempatan (PT) dan Permohonan Pembayaran (PP) dari Akaun Amanah	KW08 / Kod Akaun Amanah (SMKB)	PTj
Baki Akaun Amanah mencukupi untuk permohonan pembayaran (PP)? Tidak – PTj dapatkan sumber kewangan atau mohon pendahuluan	Borang BEN/UKT/004 dicetak dari SMKB (Modul Bajet)	PTj
PP dihantar ke Unit Pembayaran, Pejabat Bendahari bersama BEN/UKT/004 yang telah disahkan	PP dan dokumen sokongan	PTj
Perbelanjaan diluluskan, maklumat lengkap & baki mencukupi? Tidak – Dokumen dikembalikan kepada PTj	PP dan dokumen sokongan	Pej. Bendahari
Urusan pembayaran melalui pindahan atas talian / cek	Baucer bayaran	Pej. Bendahari

Carta Alir Akaun Amanah di bawah Kumpulanwang Amanah (KW08)



PROSES	DOKUMEN	TINDAKAN
PTj mendapatkan kelulusan program/aktiviti dari Pihak Berkuasa Melulus	Minit kelulusan & Kertas Kerja Program/Aktiviti	PTj
PTj mengemukakan surat permohonan penubuhan Akaun Amanah kepada Bendahari	Surat Permohonan, Draf Surat Ikatan Amanah, Minit kelulusan & Kertas Kerja Program	Ketua PTj
PTj mengemukakan bersama permohonan pendahuluan Akaun Amanah sebagai modal awalan (jika perlu)	Surat permohonan pendahuluan	Ketua PTj
Pejabat Bendahari menyemak permohonan sama ada maklumat dan dokumen lengkap;	-	Pej. Bendahari
Maklumat lengkap? Tidak – Permohonan dikembalikan atau dikemaskini	-	Pej. Bendahari
Bendahari meluluskan atau menolak permohonan	Surat Kelulusan Penubuhan Akaun Amanah	Bendahari/ Pej. Bendahari
Surat Ikatan Amanah ditandatangani oleh Bendahari serta Pegawai yang diberi kuasa	Surat Ikatan Amanah	Bendahari/ Pej. Bendahari
Kod Akaun Amanah dijana di dalam SMKMB dan pemaklumkan kepada PTj selepas kod akaun diaktifkan	Edaran Surat Kelulusan Penubuhan Akaun Amanah & Kod Akaun Amanah	Pej. Bendahari
Akaun Amanah mula beroperasi	-	PTj
Urusan penerimaan hasil program dari (Dana Awalan / Tajaan / Yuran dll)	Bukti Pembayaran / Resit Rasmi	PTj/ Pej. Bendahari
Merekod terimaan dalam Akaun Amanah	KW08 / Kod Akaun Amanah (SMKMB)	Pej. Bendahari